

Polis rampas ribuan pil bernilai ratusan ribu ringgit di sebuah rumah di Taman Pelangi

Suami isteri komplot jual dadah

Oleh MOHD. IZUAN ROSELI

JOHOR BAHRU — Hasrat sepasang suami isteri mahu hidup senang-lenang dengan berkomplot menjual najis dadah di negeri ini tidak berhasil apabila kedua-duanya dicekup bersama ribuan pil bernilai RM126,000 dalam satu serbuan di sebuah rumah di Taman Pelangi di sini baru-baru ini.

Polis Johor dalam satu kenyataan berkata, 'bisnes' dadah dipercayai mula dikembangkan oleh lelaki yang berusia 62 dan isterinya, 54, sejak pertengahan tahun ini.


"Dalam operasi yang digerakkan sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Khamis lalu,

polis menemui sejumlah 6,008 biji pil erimin 5, 110 biji pil ekstasi dan 8 gram ketamin yang dianggarkan bernilai RM126,000.

"Turut dirampas sebuah kereta jenis Perodua Myvi dan juga wang tunai berjumlah RM2,003 yang disyaki diperoleh hasil penjualan dadah," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Kedua-dua suspek direman selama lima hari bermula dan kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh membawa hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Ketua Polis Johor, Datuk Wan Ahmad Najmuddin ketika dihubungi mengesahkan kes berkenaan.



SEBAHAGIAN dadah yang dijadikan pil ditemui di rumah suspek di Taman Pelangi, Johor Bahru oleh polis Johor baru-baru ini.